

18/12/1998

Majikan ladang wajib patuhi Akta Kerja

LANGKAWI, Khamis - Majikan bagi sektor perladangan akan diwajibkan mematuhi arahan pemberian cuti umum tambahan bergaji yang diisytiharkan kerajaan kepada pekerja sebaik Akta Kerja 1955 dipinda, tidak lama lagi.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, berkata berikutan itu, Jabatan Buruh sudah diarah memperincikan pindaan berkenaan sebelum mewajibkan semua majikan mematuhi.

"Memang ada majikan yang sengaja ingkar kerana menyedari ia tidak wajib. Oleh itu, mereka boleh terlepas tanpa hukuman."

"Kelonggaran pada akta itu menyebabkan kerajaan selama ini hanya dapat merayu kepada majikan demi kebajikan pekerja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) ke-15 di sini hari ini.

Hadir sama pada persidangan tiga tahun sekali itu ialah Presiden NUPW, M Pachiappan.

Cuti umum tambahan bergaji terbaru diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena kejayaan penganjuran Sukan Komanwel ke-16, September lalu.

Kenyataan Lim itu adalah reaksi terhadap rungutan NUPW yang mewakili 40,000 ahli bahawa ramai majikan sektor perladangan tidak mengendahkan peruntukan cuti khas yang diumumkan kerajaan.

Pada masa yang sama, Lim berkata, kementerian dengan kerjasama NUPW sedang merangka kertas Kabinet untuk mendapatkan persetujuan jemaah Menteri bagi menyelesaikan masalah perumahan pekerja ladang.

Beliau amat bersimpati dengan nasib ramai pekerja ladang kerana masih tidak memiliki rumah walaupun ada antara mereka sudah berkhidmat hingga 40 tahun.

(END)